

IBRAH DARIPADA KEMATIAN COVID 19
17 Safar 1443H / 24 SEPTEMBER 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*,

Hidup dan mati adalah merupakan dugaan dan ujian daripada Allah terhadap hamba-Nya . Sama ada kematian disebabkan oleh tua, sakit, wabak, kemalangan dan sebagainya, semuanya adalah ketentuan dan ketetapan Allah Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al Mulq ayat 2 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾

Yang bermaksud : *Yang menjadikan mati dan hidup, supaya menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun,*

Hakikatnya kematian itu adalah merupakan ujian keimanan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk mengetahui siapakah dalam kalangan hamba-Nya yang benar-benar beriman dengan Qada' dan Qadar Allah **swt**. Sifat orang beriman akan sentiasa reda, sabar dan yakin bahawa segala kejadian hidup dan mati semuanya adalah urusan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al Baqarah ayat 156 :

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Yang bermaksud: *“Orang yang apabila ditimpa sesuatu kesusahan (musibah), mereka mengucapkan: "Inna lillaahiwain naailai hiraaji'uun"(sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami Kembali).*

Balasan terhadap orang beriman yang reda dengan kematiannya apabila ditimpa musibah akan diganjar dengan pahala mati syahid . Sabda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim,yang bermaksud:

“Sesiapa yang terbunuh di jalan Allah maka dia mati syahid. Sesiapa yang mati kerana wabak taun (atau lain-lain wabak) maka dia mati syahid.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Ta'ala*,

Pandemik Covid 19 sehingga kini telah meragut nyawa ribuan mangsa di Malaysia dan jutaan di seluruh dunia. Oleh itu, janganlah kita sengaja mendedahkan diri kita kepada wabak ini. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al Baqarah ayat 195 :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ

Yang bermaksud : *“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat baik.”*

Hakikatnya kematian adalah bukti kekuasaan Allah terhadap hamba-Nya begitu juga penyakit dan penyembuhnya semuanya datang daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah pandemik Covid 19 ini maka hendaklah kita kembali kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan memperbanyakkan istighfar, berzikir, beramal

soleh, bersedekah, mengimarahkan masjid dengan majlis ilmu dan solat berjemaah. Kita juga hendaklah menjauhkan segala kemaksiatan yang menyebabkan kemurkaan Allah hingga mengundang musibah seperti kematian disebabkan oleh Covid-19.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٦﴾

Yang bermaksud: *Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.